# RANCANGAN PENGAJARAN

## BAHAGIAN A: PERINCIAN PELAJARAN

| **Subjek :** | Bahasa Melayu | **Peringkat :** | Menengah 1B | **Catatan** |
|---|---|---|---|---|
| **Jangka Masa :** | 90 minit | Jumlah Pelajar : | 35 | Pelajaran ini boleh dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama (45 minit) dijalankan di bilik darjah dan sesi kedua (45 min) dijalankan di makmal komputer. |

| | |
|---|---|
| **Unit/ Tajuk Pelajaran:** Jauhari 1B, Unit 9: Aktiviti Masa Lapang. Bahagian 3 | NA |
| **Objektif Pelajaran**<br>Pelajar boleh:<br>1) menyatakan maklumat yang diperlukan untuk memberi pendapat bagi penyelesaian masalah [4.1.2(a)]<br>2) menghasilkan respons yang sesuai terhadap situasi yang diberikan [4.1.3(d)]<br>3) meluaskan idea dengan menggunakan perkataan yang sesuai dan relevan [4.1.4 (a)]. | Mulakan pengajaran dengan menjelaskan matlamat pengajaran secara ringkas. |
| **Pengetahuan Sedia Ada:**<br>Pelajar telah berbincang dan berinteraksi mengenai kegiatan masa lapang yang mereka lakukan dalam bahagian 1 dan 2 Unit 9. Pelajar juga sudah mempunyai pengetahuan asas tentang e-mel dan pernah menulis e-mel kepada rakan mereka. | Sekiranya pelajar tidak tahu apa itu e-mel, guru perlu memperkenalkan e-mel kepada pelajar terlebih dahulu. Guru juga perlu menekankan etika penggunaan e-mel. |
| **Bahan Pengajaran/ Peralatan:**<br>1) Platform Portal iMTL<br>2) Buku Teks (hal. 21-23) & Aktiviti Jauhari 1B Unit 9 (hal. 23-25)<br>3) Kertas Sebak (kertas mahjong)<br>4) Gambar, templat e-mel<br>5) Senarai semak 'Panduan Menulis E-mel'<br>6) Contoh e-mel yang disediakan oleh guru (dari *yahoo* atau *gmail*)<br>7) Lampiran e-mel sebagai perbandingan | |
| **Pendekatan Pedagogi:** Pengajaran Pembezaan, Pembelajaran Koperatif | NA |

| **Kerangka Kemahiran Abad ke-21 (sila tandakan yang relevan)** | **Nilai** | **Kemahiran Sosial** | **Kemahiran** | | NA |
|---|---|---|---|---|---|
| | ☒ Hormat<br>☐ Bertanggung-jawab<br>☐ Jujur<br>☐ Menyayangi<br>☐ Teguh<br>☐ Harmoni | ☒ Kesedaran Diri<br>☒ Pengurusan Sendiri<br>☒ Kesedaran Sosial<br>☐ Pengurusan Hubungan<br>☐ Membuat Keputusan yang Bertanggungjawab | ☐ Literasi Sivik, Kesedaran Global & Kemahiran SIlang-rentas Budaya<br>☐ Pemikiran Kritis & Membina<br>☒ Kemahiran Komunikasi dan Informasi<br>☒ Literasi Sivik, Kesedaran Global & Kemahiran Silang-rentas Budaya<br>☐ Pemikiran Kritis & Membina<br>☒ Kemahiran Komunikasi dan Informasi | **Bahasa**<br>☐ Bertutur<br>☐ Mendengar<br>☐ Membaca<br>☒ Menulis<br><br>**Kemahiran Interaksi**<br>☒ Interaksi lisan<br>☒ Interaksi penulisan | |

## BAHAGIAN B: PROSES PENGAJARAN

| Aktiviti* | Jangka Waktu | Strategi/ Peralatan | Catatan |
|---|---|---|---|
| **Rangsangan (*Trigger*):**<br>• Pelajar diberikan sebuah paparan e-mel sebagai rangsangan bagi perbincangan di kelas.<br>• Pembelajaran pelajar dilakukan secara pemerancahan dengan mengajukan soalan:<br>1. Terangkan apakah yang kamu lihat dalam paparan e-mel (templat e-mel) ini?<br>2. Kenalkah kamu dengan beberapa fungsi yang terdapat dalam paparan e-mel tersebut?<br>3. Pernahkah kamu mengirim e-mel? Jelaskan.<br>4. Mengapakah kamu menggunakan e-mel?<br>5. Adakah penggunaan e-mel lebih berkesan berbanding penggunaan surat untuk berkomunikasi?<br>6. Apakah kelebihan penggunaan e-mel untuk berkomunikasi dan berinteraksi? | 8 min | **Gambar (Guru menyediakan bahan pengajaran)**<br>Guru memaparkan lelaman atau platform e-mel (bagi tujuan pengajaran) seperti *Yahoo* atau Gmail.<br><br>**Teknik Menyoal**<br>Guru menanyakan soalan terbuka dan menggalakkan pelajar memberikan respons dengan menggunakan teknik menyoal 5W1H untuk membolehkan pelajar lebih memahami dan berinteraksi.<br><br>Guru menyatakan objektif pelajaran di awal pembelajaran bagi memandu pembelajaran pelajar. | **Lisan didahulukan**<br><br>Aktiviti ini boleh dijalankan di dalam bilik darjah atau makmal komputer.<br><br>Sekiranya guru menjalankan aktiviti di makmal komputer, aktiviti berpasangan boleh dijalankan semasa perbincangan.<br><br>**Penekanan pada kemahiran interaksi lisan.** |
| **Pengajaran Secara Eksplisit tentang Panduan Menulis E-mel:**<br>**Pelajaran 1**<br>**1.** Pelajar menerima satu set arahan yang jelas berkenaan panduan menulis e-mel dan satu set soalan bagi memudahkan pembelajaran secara kolaboratif/ berpasangan<br>a. Teliti lampiran e-mel di hal. 22 Buku Teks secara berpasangan.<br>b. Adakah e-mel tersebut mengandungi butiran yang terdapat dalam senarai semak yang diberikan?<br>c. Bagaimanakah e-mel tersebut boleh diperbaik?<br>2. Pelajar meneliti e-mel dalam Buku Teks hal. 22 secara berpasangan dan membuat penilaian menggunakan senarai semak untuk meneliti e-mel tersebut.<br>3. Kemudian, pelajar meneliti sebuah lagi e-mel yang diberikan sebagai | 20 min | **Guru menggunakan strategi berbincang-berfikir-berpasangan-berkongsi**<br><br>**Soalan dan Pemerancahan**<br>Untuk memandu pelajar memahami tugasan, guru mengajukan beberapa soalan semasa pelajar membuat perkongsian:<br>1. Adakah kedua-dua e-mel mengikuti panduan yang diberikan? Jelaskan.<br>2. E-mel yang manakah yang lebih baik pada pandangan kamu?<br>3. Mengapakah kita perlu mengikuti panduan/etika ketika menulis e-mel? | **Membaca**<br><br>Aktiviti ini dijalankan di dalam kelas atau makmal komputer. Sekiranya aktiviti ini dijalankan di makmal komputer, kesemua bahan termasuklah senarai semak dan bahan-bahan lain dimuatknaikkan ke dalam portal iMTL.<br><br>**Arahan eksplisit**<br>Berkesan untuk menumpukan pada kandungan tertentu/kemahiran dan menyediakan pelajar supaya fokus dalam memberikan respons berkenaan tugas yang perlu diselesaikan. |

| Aktiviti* | Jangka Waktu | Strategi/ Peralatan | Catatan |
|---|---|---|---|
| lampiran dan mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam e-mel tersebut dengan menggunakan senarai semak yang sama.<br>4. Pelajar berkongsi pandangan secara berpasangan selepas menggunakan strategi *'think-pair-share'*.<br>5. Wakil bagi setiap pasangan berkongsi hasil perbincangan dengan rakan sekelas dan guru.<br>6. Pelajar menerima maklum balas daripada guru setelah selesai membuat penyampaian. | | **<u>Guru menggunakan sebuah lampiran e-mel sebagai perbandingan.</u>**<br><br>**<u>Fikir – Berpasangan – Berkongsi</u>**<br>Pelajar memikirkan soalan yang menggalakkan penglibatan setiap pelajar, berkongsi maklumat dan penggunaan kemahiran berkomunikasi. | **Penekanan pada kemahiran interaksi lisan.** |
| **Platform iMTL – Interaksi Penulisan**<br><br>**Aktiviti Membaca untuk mendapatkan informasi dan Interaksi Penulisan - <u>Pelajaran 2</u>**<br>• Pelajar membaca e-mel yang disediakan di dalam Buku Teks (hal.22) sekali lagi.<br>• Pelajar mencatat perkara-perkara yang bakal ditulis dalam e-mel dalam Buku Aktiviti hal.23.<br>• Pelajar membaca arahan yang diberi oleh guru dalam portal iMTL dan menulis e-mel menggunakan platform sebagai balasan kepada surat Shahnaz.<br>• Pelajar menyemak dan mengedit e-mel tersebut menggunakan senarai semak yang sama.<br>• Tugasan diberikan berdasarkan keupayaan pelajar. Pelajar yang cemerlang perlu melengkapkan tugasan yang lebih mencabar dengan meluaskan idea menggunakan kosa kata yang sesuai dan tepat serta contoh-contoh yang baik. Pelajar yang lemah pula boleh menyelesaikan tugasan dengan bantuan guru dan boleh merujuk kamus.<br>• Pelajar menulis e-mel yang lengkap.<br>• Kemudian, pelajar menyemak e-mel yang ditulis rakan dan memberikan pandangan mereka secara bertulis di platform iMTL. | 45 min<br><br>Input Teks | **<u>Guru menyediakan tugasan menulis e-mel di platform iMTL</u>**<br><br>**<u>Pengajaran Pembezaan</u>**<br>Hal ini dilakukan berdasarkan kebolehan dan kesediaan pelajar. Pengajaran pembezaan dari segi proses ditekankan dalam tugasan yang diberikan kepada pelajar. Guru boleh menyesuaikan jenis bantuan sokongan yang diperlukan oleh para pelajar yang lemah.<br><br>**<u>Pertimbangan Penilaian</u>**<br>Pelajar menggunakan platform iMTL untuk memberikan respons secara bertulis terhadap e-mel rakan. Dalam penilaian secara berpasangan, guru bolehlah memberikan tugas menilai mengikut keupayaan pelajar. | **Penulisan (*Text input*)**<br><br>Aktiviti ini perlu dijalankan di makmal komputer. Untuk aktiviti menulis e-mel, pelajar dan guru perlu menggunakan platform Portal iMTL.<br><br>Pelajar juga perlu melakukan tugasan menulis e-mel secara individu.<br><br>Guru memberikan maklum balas kepada semua e-mel pelajar melalui platform iMTL.<br><br>**Penekanan pada kemahiran interaksi penulisan.** |

| Aktiviti* | Jangka Waktu | Strategi/ Peralatan | Catatan |
|---|---|---|---|
| • Pelajar menggunakan senarai semak di hal.24 Buku Aktiviti untuk menilai e-mel sendiri dan rakan atau lampiran senarai semak yang disediakan di lelaman Portal iMTL. | | | |
| **Penutup:**<br>• Pelajar berkongsi pandangan mereka mengenai aktiviti menulis e-mel.<br>• Guru memberikan maklum balas berkenaan tugasan yang diberi.<br>• Guru menekankan perkara-perkara penting berkatian e-mel dan etika ketika berinteraksi dengan rakan menerusi e-mel.<br>• Guru meminta pelajar melakukan tugasan kendiri di rumah. | 10 min | Guru menutup pelajaran dengan menegaskan perkara-perkara yang penting berkaitan penulisan e-mel. | |
| **Aktiviti Susulan**<br><br>**Kemahiran Kendiri menggunakan Portal iMTL.**<br><br>1. Pelajar membuka dan membaca e-mel yang dikirim oleh guru atau pelajar masuk ke Portal iMTL dan membaca e-mel yang disediakan oleh guru.<br>2. Pelajar perlu memberikan repons terhadap e-mel yang diberikan guru.<br>3. Pelajar membalas e-mel guru di Portal iMTL.<br>4. Pelajar mencatat refleksi selepas menggunakan platform di Portal iMTL.<br><br>Input Teks | Masa selepas kurikulum | **<u>Guru menyediakan Sebuah E-mel dalam Portal iMTL sebagai tugasan.</u>**<br><br>Pembelajaran autentik. Guru menge-mel pelajar dengan suatu permasalahan.<br><br>**<u>Cadangan tugasan</u>**<br>Membalas e-mel guru dengan menyatakan dua aktiviti masa lapang yang pelajar gemari dan memberikan sebab-sebab mengapa rakan-rakan yang lain patut melakukan aktiviti yang serupa.<br><br>**<u>Cadangan tugasan alternatif</u>**<br>Pelajar memberikan respons secara lisan dengan merakamkan pandangan mereka. | **Modul Pembelajaran Kendiri**<br><br>**Penekanan pada kemahiran interaksi penulisan.**<br><br>**Modul Penyampaian Lisan.**<br><br>Penyampaian Lisan |

***Nota:***
*Rancangan pelajaran ini boleh disesuaikan menurut keperluan pembelajaran pelajar.*
**Lampiran: Senarai Semak Menulis E-mel**
(Lampiran ini boleh dimuatkan dalam Portal iMTL agar pelajar dapat merujuk semasa melakukan aktiviti menyemak dan menilai e-mel).

**Nama:** _____
**Kelas:** _____

**Senarai Semak Menulis E-mel**

| No | Item | Ada | Tiada | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | E-mel yang ditulis mempunyai judul. | | | |
| 2 | Tujuan e-mel jelas. | | | |
| 3 | Kata-kata aluan (contoh: apa khabar? salam sejahtera) | | | |
| 4 | Isi e-mel ditulis dalam beberapa perenggan. | | | |
| 5 | Nama penulis e-mel dinyatakan dengan jelas. | | | |
| 6 | Ayat-ayat yang digunakan gramatis. | | | |
| 7 | Bahasa yang digunakan sesuai dan tidak menyinggung perasaan penerima e-mel. Nama pengirim e-mel ditulis/taip dengan jelas. | | | |
| 8 | Ejaan dan tanda baca betul. | | | |
| 9 | Penggunaan bahasa yang sesuai. | | | |

10. Perkara-perkara lain yang boleh dibaiki.

_____
_____
_____
_____
_____
_____

**Nama Penilai:** _____ **Kelas:** _____

**Lampiran E-mel**

Arahan: Baca e-mel berikut dan semak menggunakan senarai semak yang disediakan. Bandingkan e-mel tersebut dengan e-mel yang terdapat dalam Buku Teks hal.22.

| | | | |
|---|---|---|---|
| send | Save draft | forward | attachment |

| | | | |
|---|---|---|---|
| To: | Khairul.hakimi@melmelayu.com | | |
| cc: | | bcc: | |
| Title : | | | |

Harapnya kamu dan keluarga kamu sihat dan selamat. Pada surat kamu yang lalu, kamu telah menyuruh saya menceritakan kepada kamu kegiatan masa lapang yang saya suka lakukan, bukan? Tiada masalah, saya memang akan memberitahu kamu!

Salah satu kegiatan masa lapang saya ialah melawat tempat-tempat menarik di Singapura seperti Sentosa. Di situ terdapat patung ‘Merlion’ atau dalam bahasa melayu ‘Harimau-Laut’. Harimau-Laut ini mempunyai kepala singa dan ekor ikan duyung. Saya memang pernah pergi ke Sentosa dan ia amat seronok. Terdapat permandangan ‘Harimau-laut’ yang amat cantik di situ. Terdapat juga permainan-permainan seronok di situ seperti ‘Skyride’ dan ‘Louge’. Lagi satu tempat yang menarik di Singapura yang saya suka lawati ialah ‘Night Safari’ iaitu taman haiwan yang pertama di dunia yang buka pada waktu malam. Saya pun telah pergi ke situ dan tiada perkataan yang boleh menerangkan betapa seronok dan menarik taman haiwan itu. Menarik bukan tempat-tempat ini? Itulah sahaja yang ingin saya beritahu kamu. Kalau kamu ingin tahu lebih lanjut tentang tempat-tempat menarik yang saya suka lawati pada masa lapang di Singapura, balaslah surat ini. Semoga kamu dan keluarga kamu dalam keadaan sihat.

Shahnaz

Nota:
Lampiran ini boleh dimuatkan dalam Portal iMTL agar pelajar dapat merujuk semasa membuat perbandingan antara dua e-mel.

# Refleksi

***Apakah perkara yang telah dipelajari…***

……
……
……
……
……
……
……

***Apakah perkara yang ingin saya tahu untuk pelajaran selanjutnya…***

……
……
……
……
……
……
……

***Apakah yang boleh saya lakukan untuk mengetahui lebih lanjut tentang topik yang telah diajarkan minggu ini…***

……
……
……
……
……
……

Nota:
Lampiran ini boleh dimuatkan dalam Portal iMTL agar pelajar membuat refleksi terhadap aktiviti pembelajaran yang disediakan guru.